

06 APR 1996

TIADA DISKRIMINASI KAUM DI NEGARA INI, KATA PRESIDEN IPF

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Tiada diskriminasi terhadap mana-mana kaum di negara ini dan masyarakat Melayu, China dan India berpuas hati dengan sistem sekarang.

Presiden Barisan Progresif India (IPF) M.G. Pandithan berkata jika ada kekurangan, maka itu disebabkan ketidakupayaan kaum berkenaan untuk mengejar kepesatan pembangunan ekonomi yang pesat.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan bekas Gabenor-Jeneral Australia Bill Hayden bahawa negara-negara Asia termasuk Malaysia mengamalkan sikap diskriminasi kaum.

Beliau berkata IPF mengutuk dengan sekeras-kerasnya kenyataan Hayden itu.

Katanya, rakyat Malaysia kini cukup matang dan berpandangan luas bagi menerima kepimpinan dinamik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pandithan yang juga seorang senator, berkata kerajaan sedang berusaha untuk membantu masyarakat India mengatasi masalah sosial dan ekonomi. --

BERNAMA

DC FAZ